

# Destinasi anda bagi **PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA**



Institusi Pendidikan Berkualiti  
Kos Sara Hidup Rendah  
Kepelbagai Budaya  
& Banyak Lagi

Semua anggota kolej telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), sebuah badan berkanun yang ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi memastikan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia.

# PENDIDIKAN DI PULAU PINANG

Terletak di nadi Asia Tenggara, Pulau Pinang merupakan pusat pendidikan bertaraf dunia yang menarik pelajar tempatan dan antarabangsa dengan institusi pendidikan tinggi kelas pertama dan kos sara hidup yang rendah.

Tercatat dalam sejarah sejak zaman pemerintahan British dahulu, Pulau Pinang terkenal dengan sistem pendidikannya yang cemerlang. Banyak institusi awam di Pulau Pinang adalah yang paling lama dan terunggul di dalam negara, seperti Penang Free School dan Institusi St. Xavier yang masyhur. Walaupun Bahasa Malaysia ialah bahasa kebangsaan, Bahasa Inggeris dan Mandarin juga dituturkan secara meluas.

Terdapat banyak peluang latihan praktikal dan tawaran pekerjaan di bandar metropolis yang berkembang maju ini. Pulau Pinang juga adalah pusat kepada sebilangan syarikat multinasional, hotel antarabangsa, pusat pelancongan, hospital bertaraf dunia dan pusat pemprosesan perniagaan.

## JADI, MENGAPA BELAJAR DI PULAU PINANG?

### Bandar yang Paling Sesuai Didiami di Asia

Dari Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town ke pantai peranginan Batu Ferringhi yang cantik, para pelajar akan melalui pengalaman yang bermanfaat sepanjang tahun pembelajaran di Pulau Pinang. Sebagai salah satu bandar yang paling sesuai didiami di Asia, Pulau Pinang menawarkan suasana hidup selesa, persekitaran yang selamat, makanan lazat dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang bermutu tinggi kepada pelajar.

### Pendidikan Bertaraf Dunia

Banyak anggota kolej juga berkolaboratif bersama universiti luar negara yang terkemuka dari Australia, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat bagi menawarkan program berkembar yang membolehkan pelajar memperoleh ijazah daripada luar negara dengan yuran yang rendah.

### Permintaan Tinggi di Peringkat Antarabangsa

Tambahan pula, Malaysia telah mengatasi UK, Perancis dan Jepun dalam Ranking Bakat Dunia Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa (IMD) susulan daripada pelaburan negara dalam pendidikan untuk membangunkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi.

### Kemudahan Pembelajaran Kelas Pertama

Kolej disini menyediakan kemudahan pembelajaran kelas pertama, kuliah secara bersempua dan latihan praktikal bagi mempersiapkan para pelajar dengan kemahiran yang diperlukan ke arah meningkatkan tahap kebolehgajian. Pulau Pinang juga mempunyai Perpustakaan Digital Pulau Pinang yang beroperasi 24 jam, memberikan ruang yang selamat dan kondusif kepada pelajar untuk belajar dan meluangkan masa.



## BERKENAAN StudyPENANG

Sama ada anda mahu memahami sistem pendidikan Pulau Pinang, mencari maklumat lanjut bagi memudahkan urusan pendidikan anda atau menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu di Pulau Pinang, StudyPENANG sedia membantu untuk mencapai matlamat pembelajaran di Pulau Pinang!

# DISTED COLLEGE



## DISTED COLLEGE

Disted College merupakan institusi pengajian tinggi yang bukan bermotifkan keuntungan, dengan kecemerlangan akademik melebihi 30 tahun dan jumlah alumni melampaui 10,000 orang pelajar.

Sebagai perintis pengajian prauniversiti di Pulau Pinang serta program diploma dan ijazah yang diiktiraf di seluruh dunia, Kolej Disted menawarkan pendidikan yang berkualiti, relevan dan menyeluruh kepada pelajar dari setiap lapisan masyarakat.

### Program yang ditawarkan:

Sijil Bahasa Inggeris Intensif, Prauniversiti, Ijazah Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Kewangan dan Perakaunan, Ijazah Psikologi, Diploma Pengkomputeran & Kejuruteraan, Pengurusan Hotel, Perniagaan & Perakaunan.

340, Macalister Road, 10350 Penang  
T: +604-229 6579 F: +604-226 6403

W : [www.disted.edu.my](http://www.disted.edu.my)  
E : [info@disted.edu.my](mailto:info@disted.edu.my)  
FB : [/disted](https://www.facebook.com/disted_college)  
IG : [@disted\\_college](https://www.instagram.com/@disted_college)



# EQUATOR COLLEGE



## EQUATOR COLLEGE PENANG

Equator College diasaskan pada 1987 dan merupakan institusi yang terkemuka menerajui bidang seni, media dan reka bentuk di Utara Malaysia.

Kolej ini menawarkan pelbagai kursus pembelajaran berstruktur berdasarkan kurikulum terkini serta latihan komprehensif untuk menyediakan pelajar dengan permintaan dalam industri seni dan reka bentuk. Melalui pendekatan berpusatkan pelajar, para pensyarah kami memberikan inspirasi dan semangat kecemerlangan terhadap pelajar mereka dengan menunjukkan karya dan hasil tangan mereka sendiri.

### Program yang ditawarkan:

Asasi, Sijil, Kursus Diploma dan Ijazah Grafik & Multimedia, Animasi 3D, Seni Halus, Reka Bentuk Dalaman, Reka Bentuk Fesyen, Komunikasi, Teknologi Seni Bina dan banyak lagi.

### Kampus Lebuh Leith

7 Leith Street, George Town, 10200 Penang, Malaysia.  
T: +604-261 5116

### Kampus Lorong Amoy

8A Amoy Lane, George Town, 10050 Penang, Malaysia.  
T: +604-228 1315

W : [www.equator.edu.my](http://www.equator.edu.my)  
E : [info@equator.edu.my](mailto:info@equator.edu.my)  
FB : [/Equator College](https://www.facebook.com/EquatorCollege)  
IG : [@equatorcollegepg](https://www.instagram.com/@equatorcollegepg)  
YT : Equator College  
WA : +6016-488 0415



## GOLDEN CHEF COLLEGE OF CULINARY ARTS

### Putus Bertauliah City & Guilds

Kampus seni kulinari dan hospitaliti moden yang terletak di SPICE Canopy Pulau Pinang ini direka untuk menyediakan persekitaran kondusif kepada pelajar yang dilengkapi dengan kemudahan seperti arena tertutup dan pusat renang.

Kolej ini terletak di salah satu kawasan yang paling pesat membangun di Pulau Pinang dan hanya 10 minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Jambatan Pulau Pinang, Stesen LRT yang akan datang dan pelbagai pengangkutan awam lain.

### Program yang ditawarkan:

Kursus UK bagi Diploma dan Diploma Pascasiswazah Seni Kulinari, Seni Pastri, Pengurusan Hospitaliti, Professional Asian Gastronomy dan banyak lagi.

### Golden Chef @ Spice Canopy

No 108-B-01-26 & 27, Jalan Tun Dr. Awang, 11900 Penang.  
T: +604-611 9777 / +6012-410 1019

### Golden Chef @ Kampus Utama

No. 14, Lorong Teras Jaya 8, Kawasan Perniagaan Teras Jaya, 13400 Butterworth, Penang  
T: +604-320 0119 / +604-331 1019 / +6012-459 7269

W : <https://gccca.edu.my/>  
FB : [/GoldenChefCulinaryAcademy](https://www.facebook.com/GoldenChefCulinaryAcademy)  
IG : [@goldenchefculinaryacademy](https://www.instagram.com/@goldenchefculinaryacademy)  
YT : [GoldenChefCollegeofCulinaryArts](https://www.youtube.com/c/GoldenChefCollegeofCulinaryArts)  
WC : [GoldenChef](https://www.whatsapp.com/60164880415)



# HANCHIANG 韓江传媒大学学院

University College of Communication



## HAN CHIANG UNIVERSITY COLLEGE OF COMMUNICATION (HCUC)

Sejak 100 tahun lalu, Han Chiang merupakan perintis dalam bidang pendidikan yang menawarkan pendidikan berkualiti serta dalam lingkungan kemampuan masyarakat. Institusi yang tidak bermotifkan keuntungan ini mengamalkan tradisi pembentukan pemimpin masa hadapan di samping komited terhadap penetapan standard yang tinggi dalam kecemerlangan pengajaran, pembelajaran dan pembentukan biasiswa.

Sebagai kolej universiti komunikasi pertama di Malaysia, HCUC berbangga dengan pendidikan holistik yang ditawarkan menerusi pelbagai kursus dalam Program Komunikasi dan Media. Siswazah kami mampu menyerlahkan diri dengan pencapaian yang cemerlang di dalam dan di luar kampus serta mempunyai permintaan yang tinggi dalam pasaran sumber tenaga di dunia korporat.

### Program yang ditawarkan:

Program Ijazah dan Lepasan Ijazah Komunikasi dan Media, Seni Kreatif dan Reka Bentuk Gunaan, Perniagaan dan Pengurusan serta Pengajian Bahasa Cina.

Jalan Lim Lean Teng, 11600 George Town, Penang  
T: +604-283 1088 ext.136 F: +604-282 9325

W : [hcu.edu.my](http://hcu.edu.my)  
E : [hcucio@hcu.edu.my](mailto:hcucio@hcu.edu.my)  
FB : [/HanChiangUC](https://www.facebook.com/HanChiangUC)





## INTI INTERNATIONAL COLLEGE PENANG

Ditubuhkan di lembah silikon Malaysia, INTI International College Penang merupakan peneraju kurikulum berpacu industri dan berasaskan STEM yang memberikan pelajar kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang tepat untuk berjaya di tempat kerja digital zaman ini.

Berkolaborasi dengan syarikat terulung dan universiti terkemuka dari UK, Australia dan Amerika Utara, INTI menyediakan akses kepada corak pasaran, pengalaman praktikal, pengajaran hibrid, kurikulum antarabangsa dan peralatan dalam talian bagi membawa perubahan kepada segenap industri.

Dengan lebih 30 tahun pengalaman, INTI memberikan inspirasi terhadap pembangunan peribadi dan profesional para pelajar kami demi mencapai aspirasi.

### Program yang ditawarkan:

Prauniversiti, Sijil, Program Diploma dan Ijazah Komunikasi Massa, Perniagaan, Pengurusan & Pemasaran, Kewangan dan Perakaunan, Teknologi Maklumat, Sains & Kejuruteraan, Hospitaliti & Pengurusan Acara, Program Bahasa Inggeris Intensif dan Kursus Musim Panas.

1-Z, Lebuh Bukit Jambul, Bukit Jambul,  
11900 Bayan Lepas, Penang  
T: +604-631 0138

W : [newinti.edu.my](http://newinti.edu.my)  
E : [enquiry@newinti.edu.my](mailto:enquiry@newinti.edu.my)  
FB : /INTI.edu  
YT : NewINTI  
IG : @inti\_edu



## IPK COLLEGE

IPK College merupakan salah satu daripada 14 kolej di Malaysia yang mendapat pengiktirafan enam bintang MyQUEST di bawah penilaian Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kolej IPK ditubuhkan dengan matlamat untuk meningkatkan taraf pendidikan dan pengetahuan dalam bidang Perakaunan, Kewangan, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Hotel dan Sains Komputer bagi membangunkan modal insan yang berjaya. Kolej IPK telah memenangi lebih 63 pingat antarabangsa dan beroperasi dalam persekitaran ISO (International Organization for Standardization) serta menawarkan pelajar dengan pendidikan yang berkualiti dan mampu milik dengan kemudahan bertaraf lima bintang.

Kami juga membantu dalam membentuk generasi muda dan sentiasa berpegang kepada prinsip untuk menyediakan kelayakan yang terbaik serta program diploma dan ijazah yang diiktiraf dengan yuran pengajian yang berpatutan.

### Program yang ditawarkan:

Sijil, Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Kewangan, Perniagaan Antarabangsa, Pengurusan Hotel, Sains Komputer, Pengajian Perniagaan, Pentadbiran Perniagaan dan banyak lagi.

1664, Taman Machang Bubok, Jalan Kulim,  
14000 Bukit Mertajam, Penang.  
T: +604-551 2588 / +6012-526 5839

W : [www.ipk.edu.my](http://www.ipk.edu.my)  
E : [admin@ipk.edu.my](mailto:admin@ipk.edu.my)  
FB : IPK College - Multiple International Awards Winning College



## PENINSULA COLLEGE GEORGETOWN

Berpegang teguh kepada moto kami - "Kebolehpasaran Anda, Keutamaan Kami", para ahli akademik di fakulti Kolej Peninsula akan membekalkan para pelajar kami dengan pengetahuan subjek secara mendalam dan pengalaman industri secara amali.

Prinsip teras kami adalah menitikberatkan para pelajar kami menjadi individu yang berkebolehan yang dididik ke arah kebaikan diri, persekitaran dan masyarakat. Para pelajar akan mendapat pengalaman praktikal industri sebenar yang akan membantu menggabungkan teknik teori dan amali. Selain itu pelajar dapat menjana pendapatan di sepanjang proses pengajian.

### Program yang ditawarkan:

Sijil, Diploma, Program Ijazah dalam pelbagai kursus utama seperti Pengurusan Logistik, Pengajian Perniagaan, Pengurusan Pelancongan, Sains Komputer, Teknologi e-Perniagaan dan Perakaunan termasuklah kelayakan ACCA

No. 1, Education Boulevard, One Auto Hub,  
Batu Kawan Industrial Park, 14110 Bandar Cassia, Penang  
T: +604-545 6000

W : [www.peninsulacollege.edu.my](http://www.peninsulacollege.edu.my)  
E : [marketing@peninsulacollege.edu.my](mailto:marketing@peninsulacollege.edu.my)  
FB : Peninsula College Malaysia  
IG : Peninsula College Malaysia  
WA : +6010-466 0296



## RCSI & UCD MALAYSIA CAMPUS

RCSI & UCD Malaysia Campus (RUMC) ditubuhkan pada tahun 1996 sebagai institusi perubatan swasta pertama di Malaysia. Sebelum ini dikenali sebagai Penang Medical College (PMC), RUMC adalah kampus cawangan universiti luar negara yang dimiliki oleh dua universiti terkemuka di Ireland iaitu Royal College of Surgeons in Ireland (RCSI) dan University College Dublin (UCD).

Sejak penubuhannya lebih 25 tahun yang lalu, universiti ini telah berjaya menghasilkan hampir 2,000 graduan perubatan yang kini mengamalkan ilmu mereka di pelbagai negara seluruh dunia.

Dengan keluasan rangkaian alumninya yang berprestasi tinggi, RUMC telah memperoleh reputasi bertaraf antarabangsa dari segi kualiti lepasan graduannya.

### Program yang ditawarkan:

Asasi Sains, Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Pembedahan & Obstetrik (MB BCh BAO), Ijazah Sarjana Sains Kesihatan Awam, Ijazah Sarjana Sains Penyelidikan Kesihatan, Malaysia-Ireland Training Programme for Family Medicine.

No 4, Jalan Sepoy Lines, 10450 George Town, Penang  
T : +604-217 1999 (Talian Am)  
+604-217 1888 (Pertanyaan Program)

W : [www.rcsiucd.edu.my](http://www.rcsiucd.edu.my)  
E : [enquiry@rcsiucd.edu.my](mailto:enquiry@rcsiucd.edu.my)  
FB : RCSI & UCD Malaysia Campus  
IG : @rcsiucdmalaysia





### SEGI COLLEGE PENANG

SEGi College menyediakan pengalaman pembelajaran unik kepada pelajarnya dengan dedikasi luar biasa daripada ahli akademik dan kakitangan pengurusan yang juga merupakan ciri hospitaliti Pulau Pinang.

Setiap pelajar akan diberikan perhatian khusus, liputan sukatan pelajaran yang mendalam serta pendekatan amali dalam pembelajaran.

#### Program yang ditawarkan:

Diploma, Ijazah, kursus Perniagaan Pascasiswazah dan Profesional, Perakaunan, Pemasaran, Pengurusan, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pemasaran & Pengiklanan Digital, Teknologi Maklumat, Pengkomputeran, Pengurusan Hotel, Pelancongan, Psikologi dan banyak lagi.

Wisma Greenhall, 43, Green Hall,  
10200 Penang, Malaysia  
T: +604-263 3888

W : segipenang.edu.my  
E : infopg@segi.edu.my  
FB : /SEGiCollegePenang  
IG : @segicollgepenang  
WA : +6013-629 4880



### SENTRAL COLLEGE

SENTRAL College telah ditubuhkan dengan aspirasi untuk menjadi platform pendidikan tinggi bagi belia. Terletak di enklaf warisan George Town, SENTRAL menegaskan matlamat dasarnya bagi menghasilkan lepasan yang aktif untuk berkhidmat kepada masyarakat.

SENTRAL berusaha untuk merealisasikan visinya - menjadi sebuah institusi yang penting dan mencetus perubahan - terus bekerja keras dengan sifat saling hormat menghormati, pembelajaran dan penjagaan yang aktif, kebebasan dan keadilan, melaksanakan amalan pendidikan terbaik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

#### Program yang ditawarkan:

Sijil, program Diploma dan Ijazah Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, Teknologi Sistem Komputer, Pelancongan, Pendidikan Awal Kanak-Kanak serta program Profesional seperti ACCA dan ACCA FIA.

Menara SENTRAL  
3 Penang Street, 10200 George Town, Penang  
T: +604-262 1888

W : www.sentral.edu.my  
E : info@sentral.edu.my  
FB : sentralcollegepenang  
IG : sentralcollegepenang  
WA : +6011-093 7968



### STRADFORD INTERNATIONAL COLLEGE

Ditubuhkan pada tahun 1995, Stradford International College merupakan sebuah institusi premier dengan rekod prestasi yang unggul dalam kecemerlangan akademik.

Kolej ini telah menghasilkan Pemenang Pingat Emas - Anugerah Pelajar Terbaik City & Guilds London (Antarabangsa), penerima Anugerah Penghormatan dalam peperiksaan Prauniversiti Kanada yang terkenal serta lepasan cemerlang yang berjaya menyambung pelajaran di universiti di UK.

Dengan ikatan yang kuat dengan industri, kolej ini menawarkan pelbagai kursus dan seringkali menjalankan program latihan korporat bagi bidang berkaitan Revolusi Perindustrian 4.0 dan lain-lain teknologi baharu.

#### Program yang ditawarkan:

Prauniversiti Kanada, Asasi Sains, Diploma Pentadbiran Perniagaan, Pengurusan Hotel, Seni Kulineri, Penguatkuasaan Undang-Undang, Pengurusan Logistik, Perakaunan, Teknologi Maklumat, Mekatronik & Robotik, Elektrik & Elektronik, Kejuruteraan Komputer & Elektronik, kursus Bahasa Inggeris seperti IELTS dan pelbagai Sijil Kemahiran Malaysia.

2796, Jalan Chain Ferry,  
Taman Inderawasih, 13600 Prai, Penang, Malaysia  
T: +604-390 4000 / 397 0000 F: +604-390 3000

W : stradfordcollege.edu.my  
E : admin@stradfordcollege.edu.my  
FB : /Stradford.Int  
WA : +6019-446 0735



### THE ONE ACADEMY PENANG

The One Academy merupakan sebuah kolej yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan berstatus MSC. Selain berkerjasama secara rasmi dengan universiti dan kolej reka bentuk terkemuka dari seluruh dunia.

Komitmen kami ialah membekalkan pendidikan reka bentuk komunikasi yang berkualiti tinggi dengan memberikan bimbingan khusus kepada pelajar. Pendedahan sukan pelajaran berdasarkan keperluan industri, selain menawarkan kemudahan moden dan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Sebagai sebuah kolej seni kreatif yang terkemuka di Malaysia, The One Academy Pulau Pinang berslogarkan "Bukan Janji Kosong, Hanya keputusan Terbaik Dunia". Kolej berjaya melahirkan ramai siswazah yang telah berjaya didalam sektor seni kreatif di dunia.

#### Program yang ditawarkan:

Diploma Pengiklanan & Reka Bentuk Grafik, Diploma Animasi Digital, Diploma Reka Bentuk Media Digital, Diploma Illustrasi, Diploma Reka Bentuk Dalaman

33 Jalan Anson, 10400 George Town, Penang  
T: +6017-922 1033 / +604-210 3000

W : www.toa.edu.my/penang  
E : penang@toa.edu.my  
FB : /toopenang  
IG : @theoneacademyPenang  
YT : The One Academy Penang (Official)





## TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY COLLEGE

Tunku Abdul Rahman University College, Kampung Cawangan Pulau Pinang (TAR UC) ditubuhkan pada tahun 1994 dan kampus seluas 23 ekar di Tanjung Bungah. Selaras dengan slogan "Melangkuai Pendidikan", matlamat kami adalah menyediakan kaedah pembelajaran yang merangkumi teori dan praktikal, supaya pelajar boleh kekal berdaya saing dan relevan dalam pasaran pekerjaan.

Kampus kami yang serba lengkap juga menempatkan kolam renang bersaiz Olimpik, gimnasium, gelanggang skuasy, gelanggang serba guna dan juga perkhidmatan bas untuk memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

### Program yang ditawarkan:

Asasi, program Diploma dan Ijazah Perakaunan, Kewangan, Perniagaan, e-Pemasaran, Pengurusan Sumber Manusia, Pengkomputeran, Kejuruteraan, Alam Bina dan Komunikasi Massa.

77, Lorong Lembah Permai Tiga,  
11200 Tanjung Bungah, Penang, Malaysia.  
T: +604-89 95230 F: +604-899 8219

W : [www.tarc.edu.my/penang](http://www.tarc.edu.my/penang)  
E : [penang@tarc.edu.my](mailto:penang@tarc.edu.my)  
FB : [tarucpenang](#)  
IG : [@tarucpg](#)  
WA : +6011-1082 5618



## UOW MALAYSIA KDU PENANG UNIVERSITY COLLEGE

UOW Malaysia KDU ialah sebahagian daripada Rangkaian Global University of Wollongong Australia. University of Wollongong (UOW) merupakan antara 1% universiti yang terbaik di dunia dengan pencapaian hasil karier graduan yang sangat membanggakan. Kejayaan ini dibuktikan dengan statistik pada tahun 2019 di mana 95.7% daripada graduan UOW Malaysia KDU berjaya memperoleh pekerjaan atau kemasukan ke pengajian peringkat yang lebih tinggi dalam masa 6 bulan selepas bergraduat.

UOW Malaysia KDU menawarkan pelbagai program yang dibentuk berdasarkan keperluan industri dengan penumpuan kepada skil yang diperlukan bagi mendepani perubahan dan cabaran pada masa hadapan. Pengalaman anda di UOW Malaysia KDU akan tertumpu ke arah menyerlahkan minat dan bakat anda yang boleh digunakan untuk memberi impak kepada masyarakat.

### Program yang ditawarkan:

Asasi, Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Perniagaan, Alam Bina, Komunikasi, Pengkomputeran, Kejuruteraan, Hospitaliti, Pelancongan dan Seni Kulineri, Sains Kesihatan, dan Pengajian Pra-Universiti

32, Jalan Anson,  
10400 George Town, Penang  
T: +604-238 6368

W : <https://www.uowmkdu.edu.my/>  
E : [international@uowmkdu.edu.my](mailto:international@uowmkdu.edu.my)  
FB : [/uowmkdu](#)  
IG : [@uowmkdu](#)  
WA : +6012-468 8844



## WAWASAN OPEN UNIVERSITY

Seiring dengan visinya, 'Fikirkan Masa Hadapan' ('Think Tomorrow'), Universiti Terbuka Wawasan (WOU) menawarkan pengetahuan dan kemahiran terkini untuk melengkapkan pelajar menghadapi persekitaran dunia luar yang mencabar. Dengan penekanan terhadap pembelajaran sepanjang hayat, adalah menjadikan matlamat kami untuk menghasilkan tenaga kerja berkemahiran untuk masa hadapan.

WOU ditubuhkan pada tahun 2006 untuk memberikan pendidikan tinggi berkualiti melalui pengajian jarak jauh (ODL) untuk golongan yang bekerja. Universiti ini telah melebarkan sayapnya dengan menawarkan pengajian sepenuh masa (OCL) untuk lepasan sekolah dan pemegang diploma di kampus induknya di Pulau Pinang. Pelajar akan menikmati pembelajaran yang lebih mendalam dan menarik menerusi sistem pengurusan pembelajaran interaktif baharu WOU, FlexLearn.

### Program yang ditawarkan:

Asasi, program Siswazah dan Pascasiswazah dalam bidang Perniagaan dan Pentadbiran, Sains dan Teknologi, Pendidikan, Kemanusiaan dan Sains Sosial ditawarkan untuk kedua-dua mod pengajian, jarak jauh dan sepenuh masa.

54, Jln Sultan Ahmad Shah,  
10050 George Town, Penang  
T: +604-218 0333 F: +604-226 9323

W : <http://www.wou.edu.my/>  
E : [enquiry@wou.edu.my](mailto:enquiry@wou.edu.my)  
FB : [/wawasanopenuni](#)  
WA : +6019-474 9323



# AHLI BERSEKUTU

## CLINICAL HYPNOTHERAPY PRACTITIONERS MALAYSIA

Clinical Hypnotherapy Practitioners Malaysia (CHPM) merupakan sebuah badan profesional kebangsaan yang menyasarkan promosi dan mengekalkan standard tertinggi amalan hipnoterapi bersepadu profesional dan penjagaan kesihatan holistik serta penyelidikan sokongan dan pengajaran dalam bidang Hipnoterapi.

Lengkap dengan pengetahuan meluas tentang teknik eklektik bersepadu, ahli CHPM terdiri daripada ahli terapi bertauliah dan berpengalaman yang memberikan khidmat terapi dan kaunseling kepada klien individu atau kumpulan..

### Khidmat Utama yang ditawarkan:

Pengurusan Kemarahan, Kebimbangan, Ketagihan, Keletihan Kronik, Membina Keyakinan, Kemurungan, Gangguan Makan, Ketakutan dan Fobia dll.

Unit 06-04 (6th floor)  
1 Stop Midlands Park, Jalan Burma,  
10350, Penang, Malaysia  
T: +6017-477 7746

E : [chpm@hotmail.com](mailto:chpm@hotmail.com)



## PHOENIX ASIA ACADEMY OF TECHNOLOGY

Phoenix Asia Academy of Technology (juga dikenali sebagai Phoenix Asia Academy) merupakan sebuah akademi yang diiktiraf oleh OTHM dan ATHE UK, kedua-duanya organisasi pengurusan UK yang diselaraskan di England oleh Pejabat Penyelaras Kelayakan dan Peperiksaan (Ofqual).

Akademi ini memberikan anugerah perkembangan Universiti UK melalui penghantaran teradun merentasi wilayah menerusi beberapa pusat penghantaran. Usaha ke arah menyediakan pembelajaran digital sedang digiatkan kepada sekolah rendah, sekolah menengah dan kelayakan pendidikan tinggi yang diiktiraf oleh UK seperti Cambridge dan lain-lain universiti di UK. Akademi ini juga bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia serta universiti lain bagi meluaskan kewujudannya di arena antarabangsa dengan menawarkan khidmat seperti pengambilan dan pengurusan pelajar, penginapan, kaunseling akademik dan khidmat bantuan.

9 & 12 Floor, Office Tower,  
Royal Hotel Penang, No 3, Jalan Larut, 10050,  
George Town, Penang.  
T: +604-295 6553

W : <https://phoenixasia.org>  
E : [phoenix@phoenixasia.com.my](mailto:phoenix@phoenixasia.com.my)  
FB : Phoenix Asia Academy of Technology



## StudyPENANG

8-B (1st Floor) The Whiteaways Arcade,  
Lebuh Pantai, George Town,  
10300 Penang, Malaysia.

T +604-264 3456

E info@studypenang.gov.my

W www.studypenang.gov.my

## ANUGERAH ANTARABANGSA



### CNN TRAVEL

George Town, Penang  
(Salah satu daripada 13 bandar  
tercantik di Asia, 2019)



### CONDE NAST TRAVELER

Penang, Malaysia  
(Pulau Terbaik di Dunia:  
Anugerah Pilihan Pembaca 2019)



Sebahagian anggota kolej  
telah diiktiraf sebagai  
5 dan 6 bintang oleh  
Sistem Penilaian Kualiti  
dan Kesetaraan Kolej  
Swasta Malaysia (MyQUEST).

